

21 MAY 1999

PM ADAKAN PERTEMUAN DENGAN PEMIMPIN UMNO DAN BN JOHOR

JOHOR BAHRU, 21 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dalam rangka lawatan dua hari ke negeri ini, hari ini mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin-pemimpin Umno Negeri dan komponen parti Barisan Nasional (BN) Negeri.

Perjumpaan "ramah-mesra" selama kira-kira tiga jam yang bermula pukul 9 pagi tadi berlangsung di Hotel Eden Garden di sini.

Yang turut hadir ialah Menteri Belia Dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Ong Ka Ting dan Setiausaha Agung BN Datuk Mohamed Rahmat.

Selepas pertemuan itu, Perdana Menteri akan berlepas ke Felda Taib Andak di Kulai untuk menunaikan solat Jumaat, sebelum menghadiri Majlis Bersama Rakyat di padang Sekolah Kebangsaan Pengeli Timur, Kota Tinggi.

Perdana Menteri dijadual berlepas pulang ke Kuala Lumpur lewat petang ini.

-- BERNAMA

RAM RHM